

**Abdullah Harap OIC Capai Keputusan Berhubung Pergolakan Di Negara Islam
Bernama
11 Ogos, 2012**

KEPALA BATAS, 11 Ogos (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi berharap mesyuarat Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) minggu depan dapat mencapai satu keputusan berhubung pergolakan yang berlaku di negara-negara Islam agar ia ditangani dan diselesaikan dengan segera.

Beliau berkata memang bukan perkara yang mudah atau senang untuk mencapainya tetapi pada mesyuarat itu semua pemimpin negara-negara Islam bertemu dan pasti sesuatu keputusan dapat dibuat.

"Saya berharap akan ada satu keputusan yang dicapai agar satu tindakan dapat dibuat bagi negara Islam yang bergolak seperti Syria. Saya yakin ini adalah kehendak semua rakyat Islam di seluruh negara iaitu pergolakan di negara-negara Islam dapat dihentikan," katanya kepada pemberita di sini.

Abdullah yang juga anggota Parlimen Kepala Batas ditemui pada majlis penyampaian duit raya kepada 460 penerima terdiri daripada anak yatim, fakir, warga emas dan orang kurang upaya di kawasan Parlimen itu.

Beliau berkata penyelesaian di negara bergolak bukan sahaja mampu merapatkan hubungan antara kerajaan dan rakyat malah menyelamatkan nyawa yang tidak berdosa.

"Penderitaan yang ditanggung oleh rakyat di negara bergolak amat menyedihkan kerana nasib mereka diabaikan kerana jalan penyelesaian masih gagal ditemui, jadi pemimpin-pemimpin Islam di seluruh dunia perlu buat sesuatu.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=687457>